

PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO/SLOGAN DEKAD MEMBACA KEBANGSAAN

A. LATAR BELAKANG

Budaya membaca terus disemarakkan menerusi pelbagai kegiatan ke arah mewujudkan Malaysia sebagai negara berbudaya membaca dan bangsa Malaysia berilmu bertaraf dunia sekali gus menggalakkan perkembangan industri perbukuan dan menjana pertumbuhan ekonomi negara.

Falsafah:

Membentuk masyarakat berilmu bertaraf dunia dengan fokus membaca untuk pengetahuan dan pembudayaan amalan membaca.

Objektif:

- Meningkatkan tabiat membaca untuk tujuan rekreasi dan literasi ilmu bagi melahirkan masyarakat yang berfikiran kritis.
- Memupuk minat membaca serta menyokong pembelajaran sepanjang hayat ke arah mewujudkan masyarakat berbudaya membaca dan cinta akan ilmu.
- Mencambahkan tradisi keilmuan dalam kalangan masyarakat.

B. SYARAT DAN TERMA PERTANDINGAN

1. Penyertaan adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia, urus setia Dekad Membaca Kebangsaan **TIDAK DIBENARKAN** menyertai pertandingan ini.
2. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan. Walau bagaimanapun, **hanya satu (1) LOGO dan satu 1 (SLOGAN)** yang akan dipilih sebagai pemenang.
3. Semua ciptaan mestilah asli dan tidak diveduk/ditiru/diciplak daripada mana-mana logo dan slogan tempatan mahu pun luar negara.
4. Reka bentuk mestilah baharu dan asli serta tiada unsur atau elemen yang boleh dianggap sensitif dan boleh menyinggung mana-mana pihak.
5. Semua logo dan slogan yang diterima akan menjadi hak milik Kementerian Pendidikan Malaysia dan tidak akan dikembalikan. Kementerian Pendidikan Malaysia berhak terhadap logo dan slogan yang dipilih sama ada untuk dipinda atau diubah suai bagi maksud untuk digunakan atau dipamerkan atau dicetak dalam mana-mana acara rasmi dan bahan promosi lain yang difikirkan wajar tanpa perlu membuat sebarang notis atau bayaran kepada peserta.
6. Penganjur **BERHAK** mengubah suai dan meminda reka bentuk logo yang diterima sekiranya perlu.

C. SPESIFIKASI REKA BENTUK LOGO

1. Reka bentuk hendaklah dihasilkan menggunakan kertas bersaiz A4 (ukuran 21cm x 29.7cm) dalam bentuk cetakan (*hardcopy*) dan salinan lembut (*softcopy*) menggunakan format AI (*Adobe Illustrator*) atau JPEG resolusi minimum 1280 x 960 (dpi) atau menggunakan perisian yang bersesuaian.
2. Pereka hendaklah memberi keterangan atau penjelasan (rasional) ke atas reka bentuk logo Dekad Membaca Kebangsaan dan simbol serta warna yang digunakan dapat menterjemah fungsi logo.
3. Reka bentuk logo hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) warna tetapi tidak melebihi empat (4) warna.
4. Reka bentuk hendaklah menarik, jelas, mudah dan kemas.
5. Logo hendaklah mempunyai tanda pagar #MALAYSIAMEMBACA dan menerapkan elemen kasih sayang (*love*), hormat-menghormati (*mutual respect*) dan kebahagiaan (*happiness*).

D. SPESIFIKASI REKA CIPTA SLOGAN

1. Pereka hendaklah memberikan keterangan atau penjelasan (rasional) slogan Dekad Membaca Kebangsaan secara padat dan ringkas dalam bahasa Melayu.
2. Penghasilan slogan perlu selari dengan falsafah dan objektif Dekad Membaca Kebangsaan.
3. Slogan yang dicipta tidak boleh menyentuh isu-isu sensitif/agama/bangsa atau menggunakan perkataan kurang sopan.
4. Semua slogan hendaklah baharu dan asli. Setiap peserta hendaklah tidak meniru slogan tersedia ada atau seakan-akan sama dengan kepunyaan orang lain dalam dan luar negeri. Panel penilai berhak menarik balik hadiah sekiranya ciptaan bukan asli.
5. Setiap penyertaan mestilah disertakan dengan borang penyertaan yang lengkap diisi dengan butiran peserta dan dihantar di dalam kertas bersaiz A4 dan ditulis dalam bahasa Melayu sahaja.
6. Panjang slogan hendaklah **tidak melebihi lima (5) perkataan**.

E. TEMPOH PENYERTAAN

Tempoh penyertaan ialah **14 Disember 2018 hingga 31 Januari 2019**.

F. DOKUMEN PERMOHONAN PENYERTAAN

1. Borang penyertaan boleh dimuat turun melalui laman web yang berikut:
 - <http://www.moe.gov.my>
 - <http://www.mohe.gov.my>
 - <http://jpt.moe.my>

2. Penyertaan hendaklah dihantar ke alamat berikut:
Urus Setia Pertandingan Mencipta Logo dan Slogan,
Pusat Sitasi Malaysia,
Jabatan Pendidikan Tinggi,
Kementerian Pendidikan Malaysia,
Aras 7, No.2 Menara 2,
Jalan P5/6, Presint 5,
62200 **W.P. PUTRAJAYA.**

E-mel: ciptalogodmk@gmail.com

(Sebarang penghantaran selain alamat dan e-mel di atas tidak akan diterima)

3. Pegawai yang boleh dihubungi:
 - Puan Amirah Afiqah binti Jin Azman
E-mel: amirahafiqah.ja@moe.gov.my (03-8870 6000 samb. 5401)
 - Encik Mohd Zulhimi bin Zolkefali
E-mel: zulhimizolkefali@moe.gov.my (03-8870 6000 samb. 5499)

G. HADIAH PERTANDINGAN REKA BENTUK LOGO

1. Hadiah Utama akan menerima wang tunai **RM2,000.00**
(RINGGIT MALAYSIA:DUA RIBU SAHAJA) dan sijil penyertaan.
2. Tiga (3) hadiah saguhati bernilai **RM250.00**
(RINGGIT MALAYSIA: DUA RATUS LIMA PULUH SAHAJA) setiap seorang dan sijil penyertaan.

H. HADIAH PERTANDINGAN REKA CIPTA SLOGAN

1. Hadiah Utama akan menerima wang tunai **RM500.00**
(RINGGIT MALAYSIA: LIMA RATUS SAHAJA) dan sijil penyertaan.
2. Tiga (3) hadiah saguhati bernilai **RM100.00**
(RINGGIT MALAYSIA: SATU RATUS SAHAJA) setiap seorang dan sijil penyertaan.

I. PANEL PENILAI

1. Penilaian akan dibuat oleh satu Jawatankuasa Penilai yang dilantik.
2. Semua penyertaan adalah tertakluk kepada keputusan **MUKTAMAD** oleh Panel Penilai.
3. Panel Penilai berhak untuk membatalkan penyertaan pada mana-mana peringkat pertandingan sekiranya didapati peserta tidak mematuhi mana-mana syarat yang dinyatakan.
4. Panel Penilai berhak mengubahsuai dan meminda reka bentuk logo dan slogan yang terpilih sekiranya perlu.
5. Logo dan slogan yang terpilih akan diguna pakai dan menjadi **HAK MILIK KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA.**

**BORANG PENYERTAAN PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO/SLOGAN
DEKAD MEMBACA KEBANGSAAN**

A. BUTIRAN PESERTA

Nama :

Alamat :

Poskod : Negeri :

No. Kad Pengenalan : Jantina : Umur :

No. Telefon Bimbit : No. Telefon Pejabat :

E-mel : Jumlah Penyertaan :

B. KATEGORI (TANDAKAN / PADA KOTAK YANG BERKENAAN)

| | |
|------|--|
| LOGO | |
|------|--|

| | |
|--------|--|
| SLOGAN | |
|--------|--|

C. PENGAKUAN PESERTA

Adalah saya (seperti butiran di atas) mengakui bahawa idea, konsep dan reka bentuk logo/slogan yang dihantar kepada pihak urus setia bagi maksud menyertai pertandingan **MENCIPTA LOGO/SLOGAN DEKAD MEMBACA KEBANGSAAN** merupakan hasil usaha saya sendiri yang asli dan tidak pernah diterbitkan, disiarkan, digunakan, ditiru, diciplak dan diambil daripada mana-mana pihak atau hasil kerja orang lain. Saya juga faham bahawa penyertaan saya akan dibatalkan secara serta-merta jika saya melanggar peraturan penganjur dan akan bertanggungjawab jika terdapat sebarang tuntutan atau apa-apa jua tindakan oleh mana-mana pihak berkaitan logo atau slogan.

Saya juga bersetuju bahawa jika terpilih, rekaan saya ini akan menjadi hak milik **KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA** sepenuhnya bagi digunakan dalam apa-apa jua cara dan saya tiada hak ke atasnya selepas ini.

Tandatangan :

Nama :

Tarikh:

(Borang penyertaan hendaklah dilampirkan bersama hasil karya logo atau slogan)